

PAS bentuk jawatankuasa tangani pencabulan kebebasan akademik
Malaysian Insider
July 14, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

PAS membentuk jawatankuasa bertindak bagi menangani isu pencabulan kebebasan akademik susulan penamatan jawatan Pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMcedel) Prof Datuk Dr Mohamad Redzuan Othman.

Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub berkata, perkara itu diputuskan mesyuarat jawatankuasa PAS Pusat semalam, berikutan tindakan yang dikenakan Kementerian Pendidikan terhadap Redzuan.

"Tujuan kita cuma satu, kita mahu IPTA kita cemerlang dan berikan kebebasan kepada mereka untuk menghasilkan idea baru bagi menganjak paradigma," katanya yang juga pengerusi jawatankuasa bertindak tersebut.

"Konsepnya bi partisan, kita akan panggil tokoh pendidikan, NGO pendidikan yang ingin bersama memperjuangkan masa depan pendidikan," katanya kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat PAS di Kuala Lumpur hari ini.

Turut bersama Salahuddin dalam jawatankuasa bertindak itu adalah Dr Dzulkefly Ahmad selaku timbalan pengerusi.

Salahuddin berkata, ekoran insiden pemecatan Redzuan, persepsi masyarakat terhadap campur tangan pihak penguasa politik dalam hal ehwal pendidikan tidak dapat dielakkan.

"Tindakan Datuk Saifuddin Abdullah meletakkan jawatan selaku felo penyelidik kanan di Universiti Malaya (UM) pasti membuka mata ramai pihak tentang universiti yang dibelenggu Putrajaya," katanya.

Katanya, PAS mengambil insiden ini sebagai peringatan keras kepada semua penguasa politik Persekutuan dan negeri sama ada Pakatan Rakyat (PR) ataupun Barisan Nasional (BN) agar menghormati kebebasan golongan akademik dan universiti di negara ini.

"Lebih malang lagi kalau Putrajaya 'mencekik' dengan cara langsung atau tidak langsung," katanya.

Bekas Naib Canselor Universiti Malaya (UM) berkata beliau sering diganggu Putrajaya kerana penemuan pusat kajian universiti tersebut, menguatkan dakwaan kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak puas hati dengan hasil kerja UMcedel.

Profesor Tan Sri Dr Ghauth Jasmon yang sebelum ini memegang jawatan naib canselor universiti awam tersebut dari 2008 hingga 2013 berkata, ahli politik kanan pernah memarahinya kerana tidak mengawal Redzuan.

"Sebenarnya, political masters sangat marah dengan saya kerana Profesor Redzuan," kata Ghauth kepada The Malaysian Insider melalui khidmat mesej WhatsApp.

"Saya dimarahi oleh orang politik kerana Redzuan dan UMcedel dan diberikan amaran tentang jawatan (sebagai naib canselor) saya," katanya.

Beliau berkata, sehari selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu beliau diberi amaran daripada seorang pemimpin kanan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak yang meradang dengannya.

"Saya dimarah teruk dan diberikan amaran sehari selepas hari pilihan raya umum lalu, kira-kira jam 11 pagi.

"Orang itu berkata, sebagai NC (naib canselor) saya perlu mengawal Redzuan dan tidak membenarkannya bercakap sebeb-bebasnya," kata Ghauth tanpa mahu menamakan 'orang itu', tetapi mengesahkan beliau

adalah orang politik. – 14 Julai, 2014.

- See more at: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-bentuk-jawatankuasa-tangani-pencabulan-kebebasan-akademik#sthash.IQNK46M7.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-bentuk-jawatankuasa-tangani-pencabulan-kebebasan-akademik>